

10/08/1999

Wang bukan nilaian pengalaman Azhar

Wan Jailani Razak

ESOK, 11 Ogos 1999 adalah tarikh yang tidak mungkin luput daripada ingatan pelayar negara, Datuk Azhar Mansor. Syabas, kejayaannya belayar mengelilingi dunia secara solo dianggap amat bernilai hinggakan wang ringgit sekali pun tidak mungkin sama dari segi pengalaman dan kepuasan yang dikecapinya.

Setelah mendarat semula di bumi Malaysia, Azhar, 41, sudah boleh tidur lena di tilam empuk, bukan lagi berbantalkan ombak laut yang sekejap mengganas dan sukar diramalkan. Beliau juga kini boleh minum air kelapa muda sepuas-puasnya selain menikmati bubur kegemarannya, bubur kacang yang dihidang ketika masih panas.

'Satu bangsa, satu azam dan satu lagi kejayaan bertaraf dunia,' demikian catatan pada kain rentang bagi menyambut kepulangan wira dunia bersama Jalur Gemilang, teman yang dianggap Azhar paling setia.

Selepas menghadapi pelbagai dugaan ketika meredah ombak yang mengganas selama lebih setengah tahun atau lebih tepat, 190 hari pelayaran, Azhar akan menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo.

Sejak meninggalkan daratan negara ini 2 Februari lalu, Azhar, membuktikan kepada dunia bahawa rakyat negara ini juga hebat di laut dengan berbekalkan pengalaman dan semangat 'Malaysia Boleh'.

Beliau melengkapkan pelayaran mengelilingi dunia mengikut laluan Timur-Barat berdasarkan ketetapan World Sailing Speed Record Council (WSSRC) selepas berjaya menyusuri Cape Leeuwin di Australia, South Cape di New Zealand, Cape Horn di Amerika Selatan, Kepulauan Fernando de Noronha di Lautan Atlantik dan Cape of Good Hope di Afrika Selatan.

Berkat ketabahannya dan doa seluruh rakyat negara ini, beliau mengatasi cabaran kali ketiga oleh rakyat Malaysia selepas cabaran pertama menawan Gunung Everest dan kedua, Ekspedisi Kutub Utara yang mengharumkan nama negara.

Kejayaan beliau juga disifatkan hasil dorongan penaung Cabaran Jalur Gemilang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melepaskan pelayaran di Awana Porto Malai yang memberi kata-kata semangat 'Jangan takut-takut, buat balik mai (ke mari) sudah'.

Pada 9 April lalu, Perdana Menteri yang baru pulih daripada infeksi paru-paru selepas menerima rawatan di Institut Jantung Negara tidak lupa mendoakan agar Azhar selamat belayar di tengah lautan.

Dr Mahathir walaupun sibuk dengan program lawatannya ke seluruh negara bagaimanapun, sempat meluangkan masa untuk menyambut kepulangan Azhar di Langkawi sebagai tanda penghargaan di atas kejayaan bersejarah pelayar negara itu.

Kepulangan Azhar juga pasti dinanti isterinya, Sara Maria Abdullah dan tiga anaknya, Eizaz, 12; Elliz, sembilan; dan Eizhan, berusia enam tahun, yang sudah lama merindu, selain ahli keluarganya.

Dua pasangan suami isteri dari Afrika Selatan, Noel dan Sandy Belman yang bertugas secara sukarela di Pusat Cabaran Jalur Gemilang berpangkalan di Awana Porto Malai juga seharusnya menarik nafas lega kerana dapat melaksanakan tugas mereka di darat dengan jayanya.

Majlis sambutan kepulangan Azhar esok yang diawasi bot peronda Polis Marin turut membabitkan konvoi bot dan kapal layar kira-kira 20 batu nautika dari pesisir pantai, penerbangan lintas hormat empat pesawat 'bulldog' dan tiga 'mikrolig menjadi rakyat Malaysia pertama mengelilingi

dunia secara solo.

Beliau berjaya melepasi perairan Cape Horn di Amerika Selatan, tanjung keempat paling selatan yang perlu dilepaskannya pada jam 2.45 petang walaupun Jalur Gemilang pincang.

Ini kerana selepas bertarung nyawa dengan ribut enam hari sebelum itu, beberapa peralatan penting kapal layarnya tidak berfungsi termasuk radar, radio berfrekuensi tinggi dan SSB Radio serta kompas.

Bagi menjelaskan kejadian itu, Pusat Cabaran Jalur Gemilang yang berpangkalan di Langkawi turut mengeluarkan empat keping gambar yang dirakam Azhar dengan dua daripadanya menunjukkan tiang layar utama kapal patah tiga.

Dua gambar lagi dirakamkan Azhar di Port Stanley, Kepulauan Falkland, dua hari selepas beliau tiba di kepulauan wilayah British itu untuk membolehkan kapalnya dibaik pulih.

Azhar mengakui amat kecewa dengan kejadian tiang layar patah tiga itu tetapi selepas mendapat sokongan kuat daripada semua rakyat Malaysia, fokus beliau kembali kepada pelayaran.

Memang benar, pelayaran Azhar tidak boleh lagi dikategorikan sebagai pelayaran mengelilingi dunia tanpa henti secara solo tetapi matlamat beliau belum berakhir.

Mengikut klasifikasi baru WSSRC yang beribu pejabat di Britain untuk Azhar iaitu 'Mengelilingi dunia, dibantu (berhenti-henti) menuju ke Timur' beliau masih boleh menjadi rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia secara solo.

Berikutan kejayaan itu, beliau secara automatik boleh menyertai 'Cape Horner Club', sebuah kelab pelayaran elit bertaraf antarabangsa yang hanya dianggotai pelayar yang berjaya melepasi Cape Horn.

Usaha Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang menerbangkan tiang layar ke Kepulauan Falkland perlu diberi pujian. Tanpa khidmat pesawat Hercules C-130 ke Falkland, usaha Azhar mungkin tidak kesampaian.

Misi menghantar tiang layar Jalur Gemilang itu mengambil masa 18 hari bermula 8 Mei lalu. Seramai 28 orang termasuk 17 krew, 10 wartawan dan jurugambar serta adik Azhar, Azmi menyertai penerbangan itu yang turut mencatat sejarah sebagai misi pertama TUDM mengelilingi dunia.

Selain tiang layar utama patah, peristiwa mencemaskan Azhar ialah selepas menerima perkhabaran buruk mengenai sebuah kapal layar yang menyertai perlumbaan mengelilingi dunia secara solo, terbalik di Lautan Selatan.

Bagaimanapun, pelayar dari Perancis itu, Isabelle Autassier, terselamat.

Pengalamannya belayar di perairan Roaring Forties (kawasan berbahaya yang letaknya di antara 40 hingga 49 darjah ke selatan) dan Screaming Fifties (letaknya 50 dan 59 darjah ke selatan) juga disifatkan pengalaman sangat berguna.

Ini kerana, hanya segelintir pelayar saja dapat membayangkan atau pernah sampai di perairan itu dengan kapal layar secara solo.

Keadaan bergelora di Lautan Selatan itu hanya membenarkan Azhar tidur purata setengah jam pada satu-satu masa kerana beliau tidak boleh leka daripada mengemudikan Jalur Gemilang. Ini kerana beliau perlu segera bertindak jika berlaku perubahan cuaca secara mendadak dan jika ada kapal lain menghampiri Jalur Gemilang bagi mengelak pelanggaran.

Justeru, hidup sememangnya tidak pernah mudah bagi pelayar, angin kencang dan ribut boleh menyebabkan kapal mereka karam tetapi jika tiada angin pelayaran mungkin tidak bergerak ke mana.

Kesungguhan dan keberanian Azhar terus mendapat penghargaan apabila Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail menganugerahkannya Darjah Paduka Putra Jamalullail yang membawa gelaran Datuk. Azhar juga menjadi penerima pertama darjah itu yang diperkenalkan tahun ini sempena keputeraan baginda

ke-82 pada 18 Mei lalu.

Walaupun bukan itu yang dipinta, Azhar terharu apabila usahanya itu mendapat penghargaan daripada seorang raja. Beliau terkejut dengan anugerah itu dan berterima kasih kepada baginda serta Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Dengan anugerah itu, katanya, ia memberikan suntikan semangat baru untuk melengkapkan pelayaran mengelilingi dunia sekali gus menjadi kebanggaan kepada negara, khususnya Perlis.

Beliau bagaimanapun, tidak mahu dianggap hero walaupun ramai beranggapan demikian berikutan kejayaan awalnya mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama melepasi Cape Horn, Amerika Selatan selepas melakukan setengah pelayaran mengelilingi dunia.

Walaupun sibuk dengan tugas hariannya di atas kapal, beliau sempat merakamkan telatah sekumpulan 10 anak ikan paus dengan kamera dan video yang ketika itu berada kira-kira dua meter dari Jalur Gemilang, sehingga nasi yang ditanaknya hangit.

Peristiwa itu berlaku pada 7 Mac ketika beliau meredah Lautan Selatan untuk ke lencongan ketiga di perairan Kepulauan Snares di selatan New Zealand.

Menyambut hari jadi ke-41 pada 11 Februari dan perayaan Aidiladha pada 28 Mac di tengah lautan juga membawa pengalaman tersendiri bagi Azhar kerana tidak dapat meraikan hari penting itu bersama keluarga tersayang.

Keluarganya melakukan pengorbanan yang besar dan amat bermakna kerana membenarkan beliau belayar walaupun tidak dapat bersama untuk tempoh yang lama.

Jalur Gemilang direka bentuk oleh pereka kapal layar terkemuka, Scott Jutson. Kapal layar sepanjang 15 meter dan seberat 6.5 tan itu sesuai untuk belayar mengelilingi dunia secara solo.

Penaja utama pelayaran itu ialah Kumpulan Gapadu Sdn Bhd dengan kerjasama Perna Corporation, Sapura Group, NTV7, Awana Porto Malai, Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus), Bina Puri Holdings Sdn Bhd, MMS Miller Sdn Bhd, Dorlon (New Zealand) Ltd, AWL-Kote (Singapore), Pte Ltd dan Bloomingdale Advertising Sdn Bhd.

Azhar yang dilahirkan di Padang Katong, Kangar, memulakan pendidikan awal di Kangar English School (kini Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera) dan meneruskan pengajian ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star sebelum melanjutkan pelajaran di Politeknik Singapura di peringkat ijazah dalam bidang pengajian laut.

Azhar adalah dalam percubaan pertama mengelilingi dunia bermula dari Lautan Hindi bermula di Langkawi. Percubaan sebelum ini oleh pelayar Barat bermula dari Lautan Atlantik.

Christophe Auguin dari Perancis adalah pemegang rekod belayar mengelilingi dunia selama 105 hari, 20 jam, 31 minit dan 23 saat pada 1997 dengan kapal layar 'Geodis'.

Sebelum memulakan pelayaran itu, Azhar dengan Jalur Gemilang yang bernilai RM2 juta itu sudah menempuh dugaan belayar sejauh 10,000 kilometer dari Sydney, Australia ke Pelabuhan Klang, tahun lalu.

(END)